



KKM lancar KKMNOW, portal perkongsian data kesihatan

PUTRAJAYA: Portal KKMNOW yang dilancarkan hari ini disasar membantu pihak berkepentingan membuat keputusan terbaik berpandukan maklumat tepat dalam usaha membantu negara berdepan cabaran kesihatan pada masa depan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata selari dengan aspirasi Kerajaan iaitu inisiatif MyDigital, portal KKMNOW direka untuk memaparkan data-data kesihatan yang diperoleh bukan sahaja daripada KKM tetapi juga melalui jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi.

Mengambil iktibar kejayaan portal COVIDNOW yang dilancarkan September tahun lalu, beliau berkata, langkah itu diharapkan dapat meruntuhkan cara kerja silo (secara bersendirian) dalam kalangan agensi kerajaan dan akan memudahkan kumpulan penyelidik serta pembuat dasar memperoleh data-data berkaitan kesihatan.

KKM menjalankan menjalankan kolaborasi strategik bersama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sewaktu pembangunan portal KKMNOW.

"Dalam pada itu, masyarakat sivil juga akan memperoleh manfaat melalui bekalan data yang lebih berkualiti untuk menyokong aktiviti-aktiviti di peringkat komuniti.

"Sektor swasta pula boleh menggunakan data-data ini untuk memacu daya inovasi, menjana nilai ekonomi dan merancang perkhidmatan yang dapat melengkapi perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan kerajaan," katanya melancarkan portal KKMNOW, hari ini.

Yang turut hadir **Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.**

Pembangunan portal bersama **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** juga mampu mewujudkan kesedaran dan membantu rakyat Malaysia memantau kemudahan kesihatan awam yang tersedia mengikut daerah dan setiap negeri.

Menerusi portal berkenaan, orang ramai boleh mendapatkan data yang lebih khusus dan komprehensif mengenai penjagaan kesihatan awam.

Antara data sumber terbuka yang boleh didapati ialah stok ubat di seluruh negara, data bank darah, penggunaan katil hospital, statistik terkini mengenai penyakit dan masa tindak balas ambulans daripada MERS999.

Bagi menjamin keselamatan dan kerahsiaan data peribadi pesakit dalam pengurusan data kesihatan, tadbir urus data yang mampan dan amalan perlindungan data peribadi yang jitu akan terus diterapkan.

Ia bagi menjamin kerahsiaan, sejajar dengan akta, dasar dan pekeliling berkaitan seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

Seiring penggunaan data yang efektif, penekanan yang sama perlu diberikan berkenaan isu ketelusan dan ketepatan data dalam mendepani cabaran dalam pengurusan kesihatan.

"Portal KKMNOW ini akan menjamin kelestarian usaha transformasi data KKM dengan memastikan ketelusan data KKM dan pada masa sama, kerahsiaan maklumat peribadi pesakit kekal terpelihara.

"Skop KKMNOW yang lebih luas akan merangkumkan paparan data seperti maklumat berkenaan fasiliti kesihatan dan data berkaitan program kesihatan seperti pendermaan darah, pendermaan organ, saringan kesihatan dan PeKa B40, dan data berkaitan penyakit-penyakit berjangkit," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1008503/kkm-lancar-kkmnow-portal-perkongsian-data-kesihatan>